



**Majlis Cinta Allah. Pengajian Kitab  
Ihya' 'Ulumuddin**

Ilmu Ma'rifat Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali

kali ke-156

Syarah Kitap Cinta Allah kali ke-13  
**Keajaiban Orang Berma'rifah**

Isnin 30 November 2015  
(18 Safar 1437)

Surau An-Nur, Sg. Nyior,  
Trong, perak Darul Ridz

Kuliah Maghrib Mingguan Abu Zulficar

**IMBASAN MAJLIS SEBELUM INI**

**4 golongan manusia dalam berzikir (ingat akan Allah) :**

- i. Ada yang sedang menyebut kalimah zikir (sama ada di mulut atau di hati), dan sedang ingat akan Allah.
- ii. Ada yang sedang menyebut kalimah zikir, tetapi tidak sedang ingat akan Allah.
- iii. Ada yang sedang tak sebut kalimah zikir, dan sedang tak ingat akan Allah.
- iv. Ada yang sedang tak sebut kalimah zikir, tetapi sedang ingat akan Allah.

Golongan pertama dan keempat adalah tujuan kita.

**Allah Maha Pengampun dan Maha Pemurah. Jadi, mengapa kita mesti takut?**

- Kerana nama2 dan sifat2 Allah tidak terhad kepada dua itu sahaja. Ada banyak lagi yang lain. Contohnya Asma'ul Husna.
- Kita kena terima kesemuanya dan seimbangkan.
- Kita jangan lupa, Allah juga Maha Penghisab (Al-Muhsi), Maha Penyeksa (Al-Muntaqim), Maha Memudaratkan (Ad-Dhaar) dan lain-lain.

### **Kita belajar bukan setakat untuk tahu tetapi juga untuk :**

- Faham
- Sedar (mula berfikir mahu bertindak).
- Amal (sudah mula ambil tindakan).
- Menghayati amal.
- Mencapai maksud.

### **Perihal 'Arasy**

- Ada pelbagai pandangan para ulama tentang 'Arasy.
- UMUMNYA 'Arasy ialah makhluk Allah yang paling besar.
- Seluruh alam makhluk ini berbentuk bulat. 'Arasy ialah kulit paling luar alam makhluk itu. Seluruh alam makhluk berada di dalam, di bawah dan diliputi 'Arasy.
- Di luar, di sebalik atau di atas daripada 'Arasy tidak ada ruang, tempat, warna, bentuk, rupa, atas bawah, kiri kanan, besar kecil, sana sini, sempadan, had, tepi, arah, masa dan sebagainya. Yang ada hanyalah Allah (zat Allah). Sebelum adanya alam makhluk, keadaan itu disebut sebagai 'ama'.

*"Allah - tiada ilah selain Dia – (Dia) Rabb kepada 'Arasy yang besar."*  
(An-Naml : 26)

*Abu Razin Al-'Uqaili bertanya : "Wahai Rasulullah! Di manakah Rabb kita berada sebelum Dia menjadikan makhluk-Nya?"*

*Baginda menjawab : "Dia di 'ama', tidak ada di atas dan di bawahnya udara. Kemudian Dia menciptakan 'Arasy-Nya di atas air." (Turmizi)*

*“Sekiranya kamu meminta, mintalah Firdaus kerana ia adalah tengah-tengah syurga dan yang paling tinggi, dan di atasnya adalah Arasy Allah dan daripadanya terpancar sungai-sungai syurga.” (Bukhari)*

*“Sesungguhnya Iblis meletakkan singgahsananya di atas air. Kemudian dia memanggil para pengiringnya, dan yang paling dekat dengannya ialah yang paling berat fitnah yang dicubainya. Maka datanglah setiap satu daripada mereka lalu berkata : “Aku telah melakukan begini dan begitu.” Maka kata Iblis kepadanya : “Engkau masih belum melakukan apa-apa pun!” Kemudian datang yang lain mengatakan : “Aku tidak berpisah dengan orang itu melainkan setelah aku berjaya menceraikan antara dia dengan isterinya.” Lalu Iblis pun mendekatkan pengiringnya yang ini dan didudukkannya di sisinya lalu mengatakan : “Benar, engkau sudah melakukan sesuatu!” (Muslim)*

*“Sesungguhnya singgahsana Iblis di atas lautan, lalu dia mengirim tenteranya untuk menggoda manusia. Tentera yang paling tinggi kedudukan di sisi Iblis ialah yang paling besar fitnah yang ditimbulkannya.” (Muslim)*

*“Aku (Ibnu Sayyad) melihat singgahsana di atas lautan yang di kelilingi oleh beberapa ekor ular,” jawab Ibnu Sayyad.*

*“Dia telah melihat singgahsana Iblis,” sabda Rasulullah saw. (Ahmad)*

*“(Rasulullah saw bertanya) Apa yang engkau lihat?” Dia (Ibnu Sayyad) menjawab : “Aku melihat singgahsana di atas air.” Rasulullah saw menjawab : “Engkau melihat singgahsana Iblis di atas laut.” (Muslim)*

### **Ada dua jenis kelazatan :**

- i. Kelazatan zahiriyyah – Kelazatan yang dinikmati oleh 5 pancaindera seperti melihat yang indah<sup>2</sup>, mendengar yang

merdu<sup>2</sup>, merasa yang sedap<sup>2</sup>, mencium yang harum<sup>2</sup> dan menyentuh yang sedap<sup>2</sup>.

- ii. Kelazatan batiniyyah/rohaniyyah – Kelazatan yang dinikmati oleh deria ke-6/mata hari seperti diangkat menjadi pemimpin, menyampaikan ilmu, mendapat kemenangan, berasa tenteram, dipandang mulia dan sebagainya.

Di dunia ada kedua-dua jenis kelazatan.

Di akhirat pun ada kedua-dua jenis kelazatan.

### **Maqam<sup>2</sup> kelazatan batiniyyah di dunia ini.**

Kelazatan kerohanian di dunia ini semakin meningkat bersesuaian dengan meningkatnya akal dan kesedaran seseorang. Contohnya :

- i. Bayi akan berpuas hati sekiranya mendapat susu dan belaian ibunya.
- ii. Kanak-kanak kecil akan berpuas hati sekiranya dapat barang permainan.
- iii. Remaja akan berpuas hati jika dapat kenderaan dan ada kekasih.
- iv. Orang dewasa akan berpuas hati jika dapat kerja dan dapat berumahtangga.
- v. Orang matang akan berpuas hati jika dapat kuasa atau terlibat dengan kuasa.
- vi. Orang yang usianya lebih matang berpuasa hati jika ada empayar.
- vii. Orang paling matang hanya akan berpuas hati jika berjaya mencapai ma'rifatullah.

\*Ini hanyalah contoh umum sahaja.

**Mengapa Iblis sangat tidak suka manusia belajar ilmu marifatullah dan mencapai ma'rifatullah?**

Kerana ilmu ma'rifatullah ini menghilangkan segala sifat sombong dan hebat diri manusia. Padahal Azazil terusir dan terlaknat kerana sifat sombong dan hebat diri.

*“(Kata Azazil) Aku adalah lebih utama berbanding dia (Adam).” (Sod : 76)*

### **Menyaksikan urusan2 dalam kerajaan Allah**

*“Sekiranya tidaklah syaitan2 itu berkeliling atas hati anak Adam, sudah tentu anak2 Adam melihat ke alam malakut tinggi.” (Ahmad)*

### **Mengapa kita terhijab daripada semua itu?**

- i. Dari segi hakikatnya – kerana memang sudah ditentukan oleh Allah pada azali. Allah sendiri yang menghijab.
- ii. Dari segi syariatnya – kerana syaitan berlegar2 pada hati kita.
- iii. Kita tidak berusaha mencari, belajar & mengamal pelajarannya.
- iv. Kita lebih mencintai, mementingkan dan mengutamakan diri sendiri berbanding Allah dan Rasulullah.

### **Lazat beribadah belum tentu bukti kita di jalan yang benar.**

Apabila terlibat ajaran sesat, tiba2 rasa sedap beribadah.. maksudnya syaitan dah kenakan kita.

### **Siapakah ahli syurga yang kalau boleh mahu kembali ke dunia?**

Para syuhada'. Kalau boleh mereka mahu kembali hidup di dunia dan mati syahid berulang kali, kerana mereka sudah melihat betapa sangat besarnya keuntungan orang2 yang mati syahid.

Kalau boleh, mereka mahu jadi seorang ulama yang mati syahid. Kertana mereka sudha melihat betapa sangat besarnya keuntungan seorang ulama dan seorang syuhada' sekaligus.

## PERKONGSIAN UNTUK MALAM INI

Imam Al-Ghazali menulis : (ms 449) Demi umurku, sesungguhnya penuntut<sup>2</sup> ilmu walaupun tidak menyibukkan diri dengan menuntut ma'rifah urusan keTuhanan, maka mereka sesungguhnya telah **menghirup bau kelazatan** ini ketika tersingkapnya kesulitan-kesulitan dan terbukanya hal-hal yang meragukan, yang kuatlah kelobaan mereka kepada menuntutnya.

(ms 450) Sesungguhnya itu juga ma'rifah<sup>2</sup> dan ilmu<sup>2</sup> walaupun yang menjadi ilmu padanya tidak mulia sebagaimana mulianya yang menjadi ilmu dari hal keTuhanan (al-ma'lumat al-Ilahiyyah).

Ada pun orang yang panjang fikirannya tentang ma'rifah kepada Allah SWT dan telah tersingkap baginya dari rahsia-rahsia kerajaan Allah walaupun sesuatu yang sedikit, maka sesungguhnya ia menemui dalam hatinya ketika berhasilnya kesingkapan (al-kasyaf) itu, akan **kegembiraan yang tidak hampir akan terbang daripadanya**.

Dan ia merasa hairan dari dirinya pada ketetapan dan kemungkinannya bagi kekuatan kegembiraan dan kesenangannya. Dan ini termasuk hal yang tidak dapat diketahui selain dengan perasaan. Menceritakan tentang hal tersebut itu sedikit faedahnya.

Maka sekadar ini memberitahukan kepada anda bahawa **ma'rifah akan Allah SWT itu yang paling lazat daripada segala sesuatu. Dan tidak ada yang lazat di atasnya lagi**.

Kerana inilah maka berkata Abu Sulaiman Ad-Darani : "Sesungguhnya Allah mempunyai hamba<sup>2</sup> yang **tidak menyibukkan mereka** daripada Allah oleh ketakutan kepada neraka dan kehampaan kepada syurga. Maka **bagaimanakah mereka disibukkan oleh dunia** daripada mengingati Allah?"

Kerana yang demikianlah, sebahagian teman dari Ma'ruf Al-Karkhi berkata kepadanya : "Terangkanlah kepadaku hai Abu Mahfuz hal apakah yang menggerakkan anda kepada ibadah dan memutuskan daripada makhluk?"

Ma'ruf Al-Karkhi diam, lalu teman itu menjawab : "Mengingati mati." Ma'ruf lalu bertanya : "Yang manakah itu mati?"

Teman itu menjawab : "Mengingat akan kubur dan alam barzakh."

Ma'ruf lalu bertanya : "Yang manakah itu kubur?"

Teman itu lalu menjawab : "Takut neraka dan harap syurga."

Ma'ruf bertanya lagi : "Yang manakah ini? Sesungguhnya Raja yang ini semuanya di-TanganNya, jikalau engkau mencintainya, nescaya melupakan engkau akan semua yang demikian. Dan **jikalau ada di antara engkau dan Dia itu ma'rifah, nescaya mencukupi bagi engkau akan semua ini.**"

Dalam berita2 Isa as ada tersebut : "Apabila engkau melihat pemuda itu tergantung hatinya dengan mencari Tuhan Yang Maha Tinggi, maka sesungguhnya ia dilupakan oleh yg demikian daripada yg selain-Nya."

Sebahagian para syaikh memimpikan Bisyr bin Al-Harts, lalu yang bermimpi itu bertanya : "Apakah yang diperbuat oleh Abu Nasar at-Tammar dan Abdul Wahhab Al-Warraq?"

Bisyr Al-Harts menjawab : "Aku tinggalkan kedua2nya sesaat di hadapan Allah Taala, makan dan minum."

Aku lalu bertanya : "Lalu engkau?"

Bisyr bin Al-Harts menjawab : "Allah Taala tahu akan sedikitnya kegemaranku pada makan dan minum. Maka dibiarkannya aku memandang kepadanya."

(ms 451) Dari Ali bin Al-Muwaffaq yang mengatakan : "Aku bermimpi seakan-akan masuk syurga. Lalu aku melihat seorang lelaki duduk pada suatu hidangan. Dua malaikat di kanan dan di kirinya menyuapkannya

dari semua hidangan yang enak-enak. Dan orang itu terus makan. Aku melihat seorang lelaki berdiri di pintu syurga, yang memerhatikan wajah semua manusia. Lalu dibolehkannya masuk sebahagian dan ditolaknya sebahagian.”

Ali bin Muwaffaq meneruskan ceritanya : “Kemudian aku lewati kedua2 orang lelaki itu ke Hadhiratul Quds (suatu tempat di kanan ‘Arasy). Lalu aku melihat di khemah Al-’Arasy seorang lelaki memandang ke atas, melihat kepada Allah Ta’ala, yang tidak berkerdip matanya.

Lalu aku bertanya kepada malaikat Ridhwan : “Siapakah ini?”

Malaikat Ridhwan menjawab : “**Ma’ruf Al-Karkhi**. Ia beribadah kepada Allah tidak kerana takut kepada nerakaNya dan tidak kerana rindu kepada syurgaNya. Akan tetapi kerana cinta kepadaNya. Maka ia dibolehkan memandang kepadaNya sampai Hari Qiamat.”

Ali bin Al-Muwaffaq menyebutkan bahawa dua orang lelaki yang penghabisan itu ialah **Bisyr bin Al-Harts** dan **Ahmad bin Hanbal**.

Kerana itulah Abu Sulaiman berkata : “Sesiapa yang pada hari ini **sibuk dengan urusan dirinya sendiri**, maka dia itu esok (di akhirat nanti) akan sibuk dengan dirinya sendiri. Sesiapa yang pada hari ini **sibuk dengan Tuhannya**, maka dia itu esok sibuk dengan Tuhannya.”

Sufyan Ath-Thauri bertanya kepada Rabi’ah binti Ismail Al-’Adawiyah : “Apakah hakikat iman engkau?”

Rabi’ah menjawab : “Aku tidak beribadah kepadaNya kerana takut dari nerakaNya dan tidak kerana cinta kepada syurgaNya, sehingga adalah aku seperti orang yang diberi upah, yang jahat. Akan tetapi, aku **beribadah kepadaNya kerana cinta dan rindu kepadaNya.**”

Rabiah membacakan beberapa kuntum syair tentang makna cinta :

*Aku mencintai engkau dua cinta :*

*Cinta keinginan dan cinta kerana engkau berhak yang demikian.*



*Ada pun yang itu cinta keinginan,  
maka kesibukanku menyebutkan Engkau daripada selain engkau.*

*Adapun cinta yang Engkau berhak baginya,  
laitu Engkau bukanlah dinding bagiku, sehingga aku melihat Engkau.*

*Maka tak adalah pujian bagiku pada ini dan itu.  
Akan tetapi, bagi engkaulah pujian pada ini dan itu.*

(ms 452) Semoga Rabi'ah menghendaki dengan cinta keinginan itu cinta kepada Allah. Kerana ihsan-Nya kepada Rabi'ah dan kenikmatan yang dinaugerahkan-Nya kepada Rabi'ah, dengan keuntungan<sup>2</sup> yang segera. Dia (Rabi'ah) mencintai Allah kerana Dia (Allah) itu berhak mempunyai kecintaan, kerana keelokan dan keagungan-Nya yang tersingkap bagi Rabi'ah. Dan itulah yang paling tinggi bagi dua kecintaan itu dan yang paling kuat.

Kelazatan menengok keelokan Tuhan, yang diibaratkan oleh Rasulullah saw di mana beliau menceritakan dari Tuhannya Yang Maha Tinggi :  
***“Aku sediakan (siapkan) bagi hamba-hamba-Ku yang soleh, apa yang tidak pernah dilihat oleh mata, (tidak pernah) didengar oleh telinga, dan tidak terbayang (terguris) oleh hati.”*** (Bukhari , Muslim)

Telah bersegeralah sebahagian kelazatan<sup>2</sup> ini di dunia bagi siapa yang telah berkesudahan bersih hatinya, kepada penghabisan.

Kerana itulah sebahagian mereka mengatakan : “Sesungguhnya aku mengucapkan : “Ya Tuhanku, Ya Allah!”. Maka aku dapati yang demikian atas hatiku, lebih berat daripada bukit. Kerana panggilan itu adalah dari belakang hijab. Adakah engkau melihat orang yang sama duduk memanggil orang sama duduk dengan dia?”

Berkata sebahagian mereka : “Apabila orang sampai pada ilmu ini akan penghabisannya, nescaya ia dilemparkan oleh orang ramai dengan batu.” Ertinya : keluarlah perkataannya daripada batas akal fikiran mereka. Lalu mereka melihat apa yang dikatakannya itu gila atau kufur.

Maka tujuan maksud orang2 yang berma’rifah itu semua ialah sampai dan bertemu dengan Dia sahaja. Maka iaitu cahaya mata, yang tidak diketahui oleh diri, apa yang tersembunyi bagi mereka daripadanya.

Apabila berhasil, nescaya terhapuslah segala kesusahan dan nafsu syahwat seluruhnya. Dan jadilah hati itu tenggelam dengan nikmatnya.

Jikalau ia dicampakkan dalam neraka, nescaya tidak dirasakannya pedih kerana ketenggelamannya. Jikalau didatangkan kepadanya nikmat syurga, nescaya ia tidak berpaling kepadanya, kerana kesempurnaan nikmatnya dan sampainya kepada penghabisan, yang tidak ada lagi di atasnya penghabisan.

Semoga aku tahu, akan orang yang tidak memahami, selain mencintai segala yang dapat dirasakan dengan pancaindera, bagaimana ia beriman dengan kelazatan memandang kepada Wajah Allah Ta’ala. Dan tidak ada bagi-Nya rupa dan bentuk.

(ms 453) Dan manakah erti bagi janji Allah Ta’ala dengan yang demikian kepada hamba-hamba-Nya. Dan yang menyebutkannya bahawa itu yang terbesar bagi segala nikmat.

Bahkan orang yang mengenal Allah nescaya ia mengenal bahawa kelazatan2 yang dipisahkan dengan nafsu syahwat yang bermacam2 seluruhnya meliputi di bawah kelazatan ini, sebagaimana yang dimadahkan oleh sebahagian mereka :

*Adalah bagi hatiku hawa nafsu yang bermacam-macam.  
Lalu berkumpul sejak dilihat Engkau oleh mata hawa nafsuku.*

*Jadilah aku didengki oleh orang yang aku mendengkinya.  
Jadilah Engkau Tuhan manusia, sejak Engkau menjadi Tuhanku.  
Aku tinggalkan bagi manusia,  
Dunia mereka dan agama mereka  
Kerana sibuk mengingati Engkau.  
Hai agamaku dan duniaku.*

Kerana demikian juga berkata sebahagian mereka :

*Meninggalkan-Nya lebih besar daripada neraka.  
Menyambungkan-Nya lebih baik daripada syurga.*

Tiada mereka kehendaki dengan ini selain memilih kelazatan hati pada mengenal (ma'rifah) Allah Ta'ala, dari kelazatan makan, minum dan kahwin. Sesungguhnya syurga itu tambang (\*lombong) bersenang2nya pancaindera. Adapun hati, maka kelazatannya pada bertemu dengan Allah sahaja.

Contoh bermacam-macamnya makhluk pada kelazatannya ialah apa yang akan kami sebutkan iaitu bahawa anak kecil pada permulaan gerakannya dan tamyiznya (mumayyiz) itu, lahirlah pada gharizah (instink) yang dengan gharizah itu ia merasa enak bermain dan bersenda gurau. Sehingga adalah yang demikian itu padanya lebih enak daripada segala sesuatu yang lain.

Kemudian sesudah itu, lahirlah kelazatan perhiasan, memakai pakaian dan mengenderai haiwan2 kenderaan. Lalu ia memandang rendah bersama kelazatan2 tadi, akan kelazatan bermain2.

Kemudian sesudah itu lahir kelazatan bersetubuh dan nafsu syahwat kepada wanita. Lalu dengan yang demikian ditinggalkan semua yang sebelumnya, untuk sampai kepadanya.

Kemudian lahir kelazatan menjadi kepala (ketua), ketinggian dan berbanyak-banyak iaitu yang menghabiskan kelazatan dunia yang paling tinggi dan paling kuat.

(ms 454) Sebagaimana firman Allah Taala : “Ketahuilah olehmu, sesungguhnya kehidupan dunia itu hanyalah permainan dan senda gurau, perhiasan dan bermegah-megahan antara sesama kamu, berlumba banyak kekayaan dan anak-anak ; perumpamaannya bagai hujan yang menakjubkan para petani, kemudian tanaman itu menjadi kering dan kamu lihat warnanya kuning, kemudian dia menjadi hancur. Dan di akhirat nanti ada azab yang keras dan keampunan daripada Allah serta keredhaan-Nya, dan kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan tipuan semata-mata.” (Al-Hadid : 20)

Kemudian sesudah ini lahirlah gharizah yang lain, yang diidrakkan dengan gharizah ini akan ma’rifah kepada Allah dan ma’rifah af’al-Nya. Lalu ia memandang rendah serta gharizah, akan semua yang sebelumnya. Maka setiap yang terakhir itu adalah lebih kuat. Dan ini adalah yang akhir.

Kerana lahirlah cinta bermain pada tahun tamyiz. Cinta wanita dan perhiasan itu pada tahun dewasa (baligh). Cinta menjadi kepala sesudah umur 20 dan cinta kepada ilmu mendekati umur 40. Dan itulah penghabisan yang tertinggi.

Sebagaimana anak kecil tertawa kepada orang yang meninggalkan bermain dan sibuk dengan bermain-main dengan wanita dan menjadi kepala, maka seperti demikian juga para kepala tertawa kepada orang yang meninggalkan menjadi kepala dan sibuk dengan ma’rifah kepada Allah Taala. Dan orang-orang yang berma’rifah mengatakan : “Jikalau kamu memperolok2kan kami, maka kami memperolok2kan sebagaimana kamu memperolok2kan. Maka kamu akan mengetahui.”

*\*Semua rakaman kuliah kitab Ihya’ ‘Ulumuddin di surau ini (155 kali) boleh diulang2 tonton di Youtube. Tuliskan “syarah ihya” atau “kitab cinta Allah” pada carian Youtube. Selamat mengambil manfaat.*